



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BIOINNOVATION LAUNCHPAD 2025 ATASI CABARAN PENGKOMERSIALAN HASIL PENYELIDIKAN UNIVERSITI TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 9 OKTOBER 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan BioInnovation Launchpad 2025, sebuah program pembangunan usahawan bio yang bertujuan menangani cabaran pengkomersialan inovasi negara, khususnya dalam industri berdasarkan bio dan bioteknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Chang Lih Kang berkata antara cabaran utama yang dihadapi ialah kadar pengkomersialan hasil penyelidikan universiti di Malaysia yang masih belum memuaskan, dengan kurang daripada 10 peratus berjaya dikomersialkan, menurut kajian 2025 oleh Universiti Putra Malaysia.

“Perkara ini berpunca daripada kekurangan dana, kemahiran keusahawanan serta bimbingan berterusan. BioInnovation Launchpad 2025 yang dikendalikan oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) unik kerana ia menawarkan sokongan menyeluruh dan berpanjangan, berbeza dengan program keusahawanan lain yang lazimnya terhad kepada bantuan jangka pendek,” jelas beliau.

Tambah beliau, “Seramai 10 peserta daripada universiti, syarikat pemula dan syarikat *spin-off* telah dipilih menyertai program ini, menampilkan 10 produk berdasarkan bio-inovasi dengan potensi nilai pasaran sebanyak RM13 juta. Produk-produk ini bukan sahaja sedia untuk dikomersialkan dan menerima pelaburan, malah membawa penyelesaian berimpak tinggi dalam sektor kesihatan dan kesejahteraan, bioteknologi pertanian dan keterjaminan makanan, makanan berdasarkan bio, serta bioteknologi perindustrian dan ekonomi kitaran.”

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, En. Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak menegaskan bahawa program ini memberi hala tuju yang jelas kepada graduan, penyelidik dan usahawan untuk memacu pengkomersialan inovasi bio, dengan

matlamat melahirkan syarikat pemula yang berpotensi mencapai status Bio-based Accelerator (BBA) atau BioNexus.

“Melalui program ini, kami menyasarkan sekurang-kurangnya 10 usahawan bio untuk dibangunkan sebagai peneraju masa depan syarikat berstatus BBA atau BioNexus. Mereka tidak dibiarkan bersaing seorang diri, sebaliknya menerima sokongan menyeluruh merangkumi bimbingan, akses pasaran, sokongan regulatori, peluang pembiayaan dan fasilitasi lain yang lengkap. Usaha ini memastikan inovasi bio mereka berkembang menjadi perniagaan mampan dan berskala besar, sekali gus meletakkan Malaysia di peta dunia serta menyumbang kepada sasaran 5% KDNK menjelang 2030 di bawah Dasar Bioteknologi Negara 2.0,” katanya.

Para peserta akan membentangkan cadangan perniagaan inovasi bio mereka kepada pelabur, pemberi dana serta syarikat modal teroka semasa ‘Hari Demo Biolnnovation Launchpad’ yang berlangsung bersempena BioXCeed 2025 di NICE 2025. Tiga pemenang utama akan menerima dana permulaan berjumlah RM60,000 sebagai pemangkin pengkomersialan, manakala pemenang kategori *Best Pitcher* dan *People’s Choice* bakal menerima hadiah RM5,000 setiap seorang.

BioXCeed 2025 merupakan gabungan dua platform inovasi kerjasama antara Bioeconomy Corporation dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Gabungan ini mencerminkan aspirasi bersama kedua-dua organisasi untuk melangkaui batasan inovasi, seiring dengan matlamat NICE 2025 dalam melahirkan penyelesaian praktikal yang mampu membawa produk dan teknologi tempatan ke arah pengkomersialan serta menembusi pasaran global.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 OKTOBER 2025**



Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) merupakan peneraju pembangunan ekonomi negara dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio, di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Bioeconomy Corporation menyokong komuniti perniagaan, akademik dan saintifik dengan menyediakan khidmat sokongan, nasihat serta pembangunan ekosistem yang merangkumi aspek perniagaan, akses pasaran, pelaburan, penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersialan, pembangunan modal insan, bantuan kewangan, rangka kerja perundangan dan kawal selia, dengan sokongan daripada kerajaan.

Antara program utamanya termasuklah Status BioNexus, iaitu pengiktirafan rasmi kerajaan kepada syarikat bioteknologi yang berkelayakan, sekali gus membolehkan mereka menikmati pelbagai khidmat sokongan dan insentif pertumbuhan perniagaan. Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator, yang bertujuan membantu syarikat berasaskan bio yang sedang berkembang untuk mempercepatkan pertumbuhan dan mengkomersialkan inovasi mereka.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff

Eksekutif Kanan,

Komunikasi Strategik

Malaysian Bioeconomy Development Corporation

Tel: +6012 690 6108

Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my